

19 MAY 1999

Abu Hassan-Runtuh

JALAN SUNGAI SERING AKAN DIPERLUASKAN, KATA ABU HASSAN

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Jalan Sungai Sering, jalan alternatif untuk keluar masuk ke Bukit Antarabangsa di sini, akan diperluaskan serta merta, kata Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar hari ini.

"Kita telah bersetuju agar jalan alternatif keluar masuk, Jalan Sungai Sering diperluaskan sehingga 33 meter dan akan dibina dengan kadar serta merta," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat ke kawasan Bukit Antarabangsa di Hulu Klang.

Beliau juga berharap agar pemaju kawasan itu dapat menampung sebahagian daripada kos perluasan jalan itu.

Kejadian tanah runtuh di kawasan Bukit Antarabangsa Sabtu lepas mengakibatkan Jalan Wangsa 1, jalan utama ke kawasan Bukit Antarabangsa, ditutup kerana ditimbusi tanah.

Berikutan kejadian itu, semua penghuni kondominium Puncak Athenaeum dan Pangsapuri Wangsa Heights diarah berpindah kerana kedua-dua kondominium itu didapati tidak selamat untuk diduduki.

Abu Hassan berkata pihak berkuasa juga sedang mengambil langkah jangka pendek termasuk memastikan air yang turun dari kawasan runtuhan itu disalurkan ke kawasan tertentu supaya kawasan berkenaan dapat dikeringkan bagi membolehkan kerja-kerja membaikpulih dijalankan.

Sebagai langkah jangka panjang, beliau berkata satu pasukan pakar yang diketuai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya Mohamad Nik bersama-sama jurutera geoteknik Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) dan agensi-agensi yang berkaitan akan membuat kajian terperinci mengenai kawasan berkenaan.

Katanya hasil kajian pakar itu nanti akan digunakan bagi mengawal sebarang kerja-kerja pembangunan di kawasan itu.

Abu Hassan juga berkata pembekuan ke atas semua projek pembangunan di kawasan tanah tinggi di negeri itu masih berkuatkuasa.

Mengenai masalah penghuni kawasan berkenaan yang terpaksa berpindah, beliau berkata pengurusan Hotel de Palma, Ampang telah bersetuju menurunkan kadar sewaan bilik di hotel berkenaan dari RM75 semalam kepada RM50 bagi mereka yang terbabit yang menginap di hotel berkenaan.

-- BERNAMA

MS AKD